MAKLUMAT PESERTA

Nama :-.....

Alamat :- .....

.....

No K/P:- .....

Jantina:-.....

Bangsa:-.....

Warganegara:- .....

Agama:-.....

No h/p:- .....

Jabatan/ Organisasi/ Syarikat:-

.....

* Yuran penyertaan adalah sebanyak RM 100.00

* Yuran tidak termasuk penginapan dan penganguktan

* Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar sebelum atau pada 28 Mac 2012

*Salinan fotokopi borang adalah diterima

* Sijil Penyertaan akan diberi kepada setiap peserta

Pembayaran Pesanan Tempatan boleh dibuat melalui tunai/ wang pos/ bank draf di atas nama "Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor

Sila hantar borang yang siap diisi kepada:

PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN
NEGERI SELANGOR,
Muzium Sultan Alam Shah,
Persiaran Bandaraya,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Untuk Keterangan Lanjut Sila Hubungi:-

URUSETIA BENGKEL BUSANA SELANGOR
PERBADANAN ADAT MELAYU & WARISAN
NEGERI SELANGOR (PADAT),
PERSIARAN BANDARAYA,
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5510 3190, 5510 3220, 5519 0050
Fax : 03-55101799
E-mel : info@padat.gov.my



Bengkel Busana Selangor

Teknik Pemakaian Sampin & Setanjak

3-4 April 2012

Dewan Raja Lumu,
Muzium Sultan Alam Shah

ANJURAN:
PERBADANAN ADAT MELAYU & WARISAN
NEGERI SELANGOR (PADAT)

BORANG PENYERTAAN

PENGENALAN

Apabila mendengar atau membaca kisah-kisah kepahlawanan Melayu dan lelaki Melayu ianya pasti akan mengaitkan soal pemakaian segak baju Melayu lengkap bersamping dan bersetanjak. Baju melayu dipercayai telah mula dipakai oleh orang Melayu sejak zaman Sultan Muhammad Syah memerintah Melaka (TM 1424-1444) iaitu lebih kurang 700 tahun yang lalu. Mengikut catatan dalam Sejarah Melayu oleh Tun Sri Lanang, di hikayatkan baginda pernah melarang rakyat memakai jubah (masa tersebut digelar'pakaian atas angin", umpama pedagang Arab atau jubah China) Sebaliknya apabila baginda menunaikan fardu solat Hari Raya, baginda akan menyarung baju Melayu dahulu (dipakai cara sarung, lengkap dengan setanjak atau destar.) Cuma apabila tiba di masjid barulah baginda mengena jubah (pakaian Atas Angin).

SAMPIN

Sampin adalah pelengkap Baju Melayu bagi lelaki. Sampin juga dipanggil sebagai 'samping'yang berasal dari perkataan sampingan. Beza sampin dan kain sarung adalah sampin lebih pendek daripada kain sarung. Sampin biasanya dipakai oleh kaum lelaki Melayu bersama-sama baju Melayu dan seluar panjang. Sampin akan diikat di pinggang di sebelah luar, di atas baju dan seluar atau di sebelah dalam baju. Bahagian kaki sampin dilepas hingga ke lutut atau betis. Pada asalnya, sampin lelaki adalah panjang hingga ke buku lali dengan bahagian hadapannya disingkatkan bagi menampakkan seluar di bahagian dalamnya. Mengikut peredaran masa, sampin diikat dan dilipat sehingga ke paras lutut. Ia lebih digemari kerana ringkas dan selesa apabila dipakai.

SETANJAK

Setanjak, tengkolok atau destar adalah salah satu busana pada bahagian kepala lelaki Melayu yang sering dikaitkan dengan istana, kepahlawanan dan dipakai dalam pelbagai acara adat istiadat bangsa Melayu. Setanjak pada kebiasaanya akan dipadankan dengan bengkung, sampin dan baju Melayu beserta keris selit bagi pakaian lelaki Melayu. Setanjak belum lagi dicipta pada zaman sebelum zaman kesultanan Melayu Melaka. Pada zaman itu, hanya sehelai kain digunakan dan diikat di kepala memadai agar kelihatan kemas.

